

13/09/2002

Malaysia kesal tindakan Amerika tutup kedutaan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

NEW YORK, Khamis - Malaysia kesal dengan tindakan Amerika Syarikat menutup kedutaannya di Kuala Lumpur kerana tindakan itu hanya memberi salah tanggapan terhadap keadaan sebenar di Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerajaan sentiasa mengadakan kawalan ketat kepada semua kedutaan dan perwakilan asing di Kuala Lumpur dan tidak ada sebab untuk Amerika menutup kedutaannya.

"Kita kesal dengan tindakan Amerika kerana ia menghantar mesej negatif mengenai Malaysia sedangkan kalau mereka ada masalah sebenar, kita sedia meningkatkan keselamatan di kawasan kedutaannya," katanya ketika ditemui di pejabat Misi Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini hari ini.

Amerika menutup empat kedutaannya di Asia Tenggara termasuk di Kuala Lumpur, Jakarta dan Phnom Penh kononnya kerana ancaman sempena ulang tahun tragedi 11 September.

Tindakan menutup kedutaan itu dibuat selepas Rumah Putih meningkatkan amaran waspada bagi ancaman pengganas dari kod kuning kepada oren, simbol warna yang digunakan bagi `risiko tinggi' kepada kemungkinan serangan pengganas ke atas negara ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Syed Hamid berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menyatakan pendirian Malaysia membantah serangan Amerika dan Britain terhadap Iraq di Persidangan Agung PBB (UNGA) ke-57 Jumaat ini dan ketika menemui Naib Presiden Amerika, Dick Cheney.

Timbalan Perdana Menteri dijadualkan tiba di sini esok bagi menghadiri UNGA dan akan membuat lawatan kerja ke Washington minggu depan. Beliau juga dijangka mengadakan pertemuan dengan Penasihat Keselamatan Amerika, Condoleeza Rice dan Tom Ridge.

"Perkara itu harus disampaikan, bukan saja kepada Amerika tetapi kepada anggota PBB. Malaysia menyokong apa juga usaha bagi menangani keganasan tetapi isu Iraq tidak boleh ditangani dengan pendekatan ketenteraan.

"Dalam usaha menangani keganasan, kita tidak boleh membuka peluang baru untuk menangani masalah lain kerana ia akan hanya mengalih pandangan kepada usaha masyarakat antarabangsa dalam menangani isu berkaitan.

"Banyak lagi isu lain belum diselesaikan seperti kedudukan Afghanistan yang masih banyak ketegangan dan isu Palestin yang menjadi kunci kepada kedamaian di Timur Tengah," kata Syed Hamid.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengutuk tindakan serangan Amerika dan Britain terhadap Iraq, berkata serangan itu adalah tidak wajar dan mengancam keselamatan rantau Timur Tengah dan dunia.

Tentera Udara Amerika dan Britain sudah memulakan serangan awal bagi merintis jalan serangan besar-besaran ke atas Iraq, apabila 100 jet pejuang kedua-dua negara memusnahkan kemudahan pertahanan udara di barat Iraq Jumaat lalu.

Serangan itu dilihat sebagai usaha untuk memusnahkan pertahanan udara Iraq bagi memudahkan helikopter mengangkut anggota tentera Amerika ke Iraq dari Jordan atau Arab Saudi, dalam misi memusnahkan peluru berpandu Scud Iraq sebelum serangan besar-besaran dilancarkan dalam masa beberapa bulan lagi.

Syed Hamid berkata, Malaysia berpendapat bahawa setiap tindakan mesti sejajar dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu serta undang-undang antarabangsa.

"Kita tidak nampak lagi bukti jelas yang menunjukkan Iraq boleh menjadi ancaman satu mempunyai senjata pemusnah yang boleh mengancam mana-mana negara.

"Andaian sebegitu bukan saja tidak wajar, malah tidak bijaksana kerana ia hanya memberi alasan kepada mana-mana negara untuk melancarkan peperangan kepada sesebuah negara lain yang dianggap ancaman.

"Justeru PBB tidak boleh diketepikan sebelum apa juga bentuk tindakan dibuat ke atas Iraq atau mana-mana negara lain atas sebab apa pun," katanya.